

Standard Pelaporan Biasa (CRS) dan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)

Soalan-soalan Lazim / FAQ

1. Apakah itu Piawaian Pelaporan Umum *Common Reporting Standard* (“CRS”)?

CRS adalah Piawaian untuk Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan dalam Hal-hal Cukai, yang dibangunkan oleh Pertubuhan untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi *Organisation for Economic Co-operation and Development* (“OECD”) dan sebarang perundangan, perjanjian, peraturan, arahan, atau lain-lain panduan rasmi yang berkaitan atau yang serupa dari mana-mana pihak berkuasa di dalam sebarang bidang kuasa. Ia adalah pengumpulan maklumat dan pelaporan yang disyaratkan untuk institusi kewangan di negara-negara yang mengambil bahagian, untuk membantu memerangi pengelakan cukai dan melindungi integriti sistem percukaian.

2. Apakah itu Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (“FATCA”)?

FATCA yang digubal menjadi undang-undang A.S sebagai sebahagian daripada Akta Insentif Pengambilan Pekerja untuk Memulihkan Pekerjaan (HIRE) pada Mac 18, 2010. Ia mengkehendaki institusi kewangan bukan AS untuk menyediakan maklumat berhubung pelanggan mereka yang merupakan orang AS kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri AS *US Internal Revenue Service* (“US IRS”) atau menjadi subjek kepada penahanan ke atas pembayaran yang boleh ditahan. Ia telah ditubuhkan untuk mengurangkan pengelakan cukai oleh Orang AS.

3. Bilakah CRS menjadi efektif di Malaysia?

Bermula dari 1 Julai 2017.

4. Bilakah perundangan FATCA akan menjadi efektif di Malaysia?

Pada 1 Julai 2014, Malaysia telah mencapai persetujuan secara substansi dalam Perjanjian Antara Kerajaan Model 1 *Model 1 Intergovernmental Agreement* (“IGA”) dengan pihak AS untuk melaksanakan FATCA. Berikutan pembangunan tersebut, IGA Malaysia-AS telah ditandatangani pada 21 Julai 2021 dan syarat-syarat FATCA telah diwartakan menjadi undang-undang dan peraturan Malaysia pada 1 September 2022.

5. Negara/Bidang Kuasa manakah yang mengambil bahagian dalam CRS?

Sila rujuk kepada portal CRS OECD untuk penyenaraian penuh negara-negara yang mengambil bahagian di:

[CRS by jurisdiction – Organisation for Economic Co-operation and Development \(oecd.org\)](https://oecd.org/crs/)

6. Siapakah yang boleh dilaporkan di bawah CRS?

CRS mencari untuk menetapkan pemastautin cukai pelanggan. Di bawah CRS, institusi kewangan dikehendaki untuk mengenal pasti pelanggan yang kelihatan seperti pemastautin cukai di luar negara di mana mereka memegang akaun dan produk, dan melaporkan sesetengah maklumat kepada pihak berkuasa cukai tempatan kita, yang mana ianya mungkin dikongsi dengan pihak berkuasa cukai di mana anda adalah seorang pemastautin cukai.

Bagi satu entiti yang merupakan seorang pemastautin cukai asing, Bank akan melaporkan maklumat akaun kewangan anda kepada pihak berkuasa cukai tempatan jika anda bukan merupakan salah satu daripada yang berikut:

- i) Sebuah korporat di mana sahamnya didagangkan secara berkala di satu atau lebih pasaran sekuriti yang ditubuhkan
- ii) Sebarang korporat yang merupakan Entiti Berkaitan dari korporat yang diuraikan dalam klausa (i)
- iii) Sebuah Entiti Kerajaan
- iv) Sebuah Organisasi Antarabangsa
- v) Sebuah Bank Pusat
- vi) Sebuah Institusi Kewangan

7. Siapakah yang boleh dilaporkan di bawah FATCA?

Akaun kewangan yang dipegang oleh:

individu yang merupakan Orang AS termasuk:

- Warganegara AS
- Pemastautin Tetap AS
- Pemastautin AS (termasuk pemastautin cukai)

Entiti, yang merupakan Orang AS termasuk entiti:

- Dikorporatkan di AS
- Tempat perniagaan di AS
- Pemastautin AS (termasuk pemastautin cukai)
- NFFE pasif dengan satu atau lebih Orang Yang Mengawal yang merupakan Orang AS Yang Dispesifikasikan

Orang AS Yang Dispesifikasikan bermaksud mana-mana Orang AS selain daripada Penerima Dikecualikan AS di bawah Cukai Pendapatan (Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Amerika Syarikat untuk Menambahbaik Pematuhan Cukai Antarabangsa dan untuk Melaksanakan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing) Perintah 2022.

8. Apakah maklumat yang saya perlu berikan?

Bank akan meminta maklumat berikut dari anda:

Jika anda adalah seorang Individu:

- Nama
- Kerakyatan
- Tarikh Lahir
- Tempat Lahir
- Alamat Kediaman Semasa
- Alamat Surat-Menyurat (jika berbeza daripada alamat kediaman)
- Nombor Telefon
- Status Orang AS
- Bidang Kuasa Pemastautin Cukai
- Nombor Pengenalan Pembayar Cukai (jika berkenaan)

Jika anda adalah satu Entiti:

- Nama didaftarkan
- Negara Dikorporatkan
- Alamat yang Didaftarkan
- Alamat Surat-Menyurat (jika berbeza daripada alamat yang didaftarkan)
- Status Orang AS
- Jenis Entiti di bawah CRS dan FATCA
- Bidang Kuasa Pemastautin Cukai
- Nombor Pengenalan Pembayar Cukai (jika berkenaan)
- Nombor Pengenalan Pengantara Global *Global Intermediary Identification Number* (GIIN) (jika berkenaan)

Jika anda adalah Entiti Bukan Kewangan (NFE)/Entiti Asing Bukan Kewangan (NFFE) Pasif, Bank perlu mendapatkan maklumat tambahan berikut berkaitan dengan Orang Yang Mengawal anda:

- Nama
- Tarikh dan Tempat Lahir
- Alamat Kediaman Semasa
- Alamat Surat-Menyurat (jika berbeza daripada alamat kediaman)
- Kerakyatan
- Nombor Telefon
- Nama sah Pemegang Akaun Entiti yang relevan
- Peratus Pemilikan / Pemegangan Saham
- Status Orang AS

- o Bidang Kuasa pemastautin cukai
- o Jenis Orang Yang Mengawal
- o Nombor Pengenalan Pembayar Cukai (jika berkenaan)

Sila rujuk kepada dokumen < Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing ("FATCA") dan Piawaian Pelaporan Umum ("CRS")> untuk takrifan Orang Yang Mengawal.

9. Bagaimanakah pemastautin cukai saya ditakrifkan?

Ini akan bergantung kepada di mana anda tinggal, di mana anda menghantar pulangan cukai anda dan keadaan anda. Anda dinasihatkan untuk menghubungi penasihat cukai profesional atau memeriksa laman web OECD untuk lebih banyak maklumat tentang bagaimana untuk menentukan pemastautin cukai.

- Butiran peraturan pemastautin cukai boleh didapati di:
[Tax residency - Organisation for Economic Co-operation and Development \(oecd.org\)](http://www.oecd.org/tax/tax-residency/)
- Butiran TIN untuk setiap negara boleh didapati di:
[Tax identification numbers \(TINs\) - Organisation for Economic Co-operation and Development \(oecd.org\)](http://www.oecd.org/tax/tin/)

10. Adakah saya perlu mengemukakan dokumen sokongan untuk membuktikan pemastautin cukai saya?

Ya. Semua pelanggan dikehendaki memberikan borang pengesahan diri kepada Bank. Bank dikehendaki oleh undang-undang untuk mengesahkan butiran yang diberikan dalam borang pengesahan diri untuk memastikan bahawa mereka adalah sah dan munasabah. Dalam sesetengah keadaan, Bank mungkin meminta anda untuk memberikan dokumen sokongan seperti salinan passport anda atau dokumentasi lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk mengesahkan identiti anda atau mengesahkan pemastautin cukai yang diisytiharkan dalam borang pengesahan diri anda.

11. Bagaimanakah saya boleh mengetahui borang pengesahan diri yang mana satu harus saya gunakan?

- Jika anda adalah seorang individu / perniagaan tunggal yang dimiliki oleh individu, sila lengkapkan <Borang Pengesahan Diri FATCA dan CRS (Pengisytiharan Pelanggan Individu)>.
- Jika anda adalah satu entiti / perniagaan tunggal yang dimiliki oleh entiti, sila lengkapkan <Borang Pengesahan Diri FATCA dan CRS (Pengisytiharan Pelanggan Entiti)>.
- Jika anda adalah satu entiti / perniagaan tunggal yang dimiliki oleh entiti yang telah mengisytiharkan diri anda sebagai seorang NFE/NFFE Pasif, bagi setiap satu daripada Orang Yang Mengawal anda, sila lengkapkan <Borang Pengesahan Diri FATCA dan CRS (Pengisytiharan Orang Yang Mengawal)>.

12. Adakah ICBC Malaysia akan mendedahkan maklumat cukai saya yang dikumpulkan sejajar dengan CRS dan FATCA?

Ya, Bank dikehendaki dari segi undang-undang untuk mengumpul maklumat anda termasuk maklumat cukai anda dan melaporkan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia (IRBM) atau lain-lain pihak berkuasa sedemikian yang dianggap wajar oleh Bank, sejajar dengan perundangan CRS dan FATCA Malaysia.

13. Apakah kewajiban saya di bawah CRS dan FATCA?

Anda dikehendaki untuk memberikan Bank maklumat peribadi anda termasuk maklumat cukai anda, menurut perundangan CRS dan FATCA Malaysia. Semua maklumat sedemikian yang diberikan oleh anda haruslah benar, betul dan tepat dalam segala aspek berhubung dengan fakta yang berkaitan. Apabila terdapat perubahan atau tambahan kepada maklumat yang mungkin memberi kesan terhadap pemastautin cukai anda dan/atau status Orang AS, anda mempunyai kewajiban untuk segera mengemas kininya dengan Bank dengan mengemukakan satu borang pengesahan diri yang baharu dalam tempoh 30 hari dari tarikh perubahan.

14. Apakah akibat dari kegagalan untuk memberikan maklumat?

Sekiranya anda gagal memberikan maklumat atau jika maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan, Bank mungkin: -

- enggan memberikan perkhidmatan perbankan yang baharu kepada anda, termasuk membuka satu akaun baharu bagi anda;
- menamatkan dan/atau tidak menyambung (secara keseluruhan atau sebahagian) akaun dan/atau hubungan anda dengan Bank; dan/atau
- lain-lain tindakan sedemikian yang dianggap wajar oleh Bank, pada bila-bila masa sepertimana yang dikehendaki oleh Bank, termasuk untuk mengklasifikasikan akaun anda sebagai satu Akaun Yang Boleh Dilaporkan dan melaporkan maklumat akaun kewangan anda kepada IRBM.

15. Apakah yang berlaku jika pemastautin cukai saya berubah?

Jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat yang anda berikan kepada kami, anda dikehendaki untuk memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta. Bank mungkin meminta anda untuk memberikan satu borang pengesahan diri FATCA dan CRS yang baharu. Jika anda tidak memberikan pengesahan yang dikehendaki, Bank mungkin dikehendaki untuk melaporkan butiran anda kepada pihak berkuasa cukai berdasarkan kepada maklumat yang boleh didapati dalam rekod kami.

16. Adakah Bank (ICBC Malaysia) memasukkan sebarang akaun dengan baki atau nilai negatif untuk pengekstrakan data dan penghantaran pelaporan bagi CRS dan FATCA?

Ya.

17. Bagaimanakah untuk melaporkan satu akaun yang boleh dilaporkan dengan baki atau nilai negatif?

Institusi Kewangan Malaysia yang akan melaporkan baki dan nilai akaun itu sebagai mempunyai baki akaun atau nilai bersamaan dengan sifar di bawah CRS dan FATCA, menurut perundangan CRS dan FATCA Malaysia.

18. Adakah Bank (ICBC Malaysia) menentukan akaun yang tidak didokumentasikan untuk pengekstrakan data dan penghantaran pelaporan CRS?

Ya. Sila rujuk kepada Item 23 untuk takrifan satu "akaun yang tidak didokumentasikan".

19. Apakah itu akaun tidak aktif dan akaun dikecualikan?

Berdasarkan kepada perundangan CRS Malaysia, MYFI mungkin melayan satu akaun depositori tidak aktif dengan baki tidak melebihi ASD1,000 sebagai akaun dikecualikan, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat berikut:

- Pemegang akaun tidak memulakan transaksi berhubung akaun itu atau sebarang akaun lain yang dipegang oleh pemegang akaun dengan MYFI Yang Melaporkan dalam tiga tahun sebelumnya; dan
- Pemegang akaun tidak berkomunikasi dengan MYFI Yang Melaporkan berhubung akaun itu atau sebarang akaun lain yang dipegang oleh pemegang akaun dengan Institusi Kewangan Yang Melaporkan dalam enam tahun sebelumnya.

Akaun tidak aktif yang tidak memenuhi syarat di atas mungkin masih boleh dilaporkan bagi CRS bergantung kepada maklumat pelanggan. Takrifan akaun dikecualikan di atas tidak diguna pakai bagi FATCA dan oleh itu satu akaun tidak aktif AS yang boleh dilaporkan akan dilaporkan dalam pulangan FATCA dengan sewajarnya.

20. Adakah Bank (ICBC Malaysia) menentukan akaun tidak aktif bagi pengekstrakan data dan penghantaran pelaporan CRS dan FATCA?

Tidak.

21. Adakah Bank (ICBC Malaysia) menentukan akaun kad kredit sebagai akaun yang boleh dilaporkan bagi pengekstrakan data dan penghantaran pelaporan CRS dan FATCA?

Tidak, ICBC tidak akan melayan akaun kad kredit sebagai satu akaun yang boleh dilaporkan bagi tujuan CRS dan FATCA. ICBC telah melaksanakan polisi dan prosedur untuk menghalang seorang pelanggan daripada membuat deposit/pembayaran berlebihan melebihi ASD50,000 dalam akaun kad kredit.

22. Bagaimanakah untuk melaporkan akaun bersama dengan baki atau nilai positif?

Di mana Akaun Kewangan itu dipegang bersama, baki atau nilai untuk dilaporkan bagi setiap pemegang akaun bersama berhubung dengan bukan pemastautin adalah seluruh baki atau nilai akaun itu.

23. Apakah itu akaun yang tidak didokumentasikan?

Berdasarkan kepada sub-perenggan B(5), Seksyen VIII dari Piawaian Pelaporan Umum OECD – Jika satu arahan “hold mail” atau alamat “in-care-of” ditemui dalam carian elektronik dan tidak ada alamat lain dan tidak ada satupun petunjuk lain yang tersenarai dalam sub perenggan B(2)(a) sehingga (e) dikenal pasti bagi Pemegang Akaun, Institusi Kewangan Yang Melaporkan mesti, dalam aturan yang paling wajar untuk keadaan itu, mengguna pakai carian rekod kertas yang diuraikan dalam sub perenggan C(2), atau mencari untuk mendapatkan dari Pemegang Akaun itu satu Pengesahan Diri atau Bukti Dokumentari untuk menetapkan kediaman itu untuk tujuan cukai Pemegang Akaun sedemikian. Jika carian kertas gagal untuk menetapkan satu petunjuk dan percubaan untuk mendapatkan pengesahan diri atau Bukti Dokumentari tidak berjaya, Institusi Kewangan Yang Melaporkan mesti menyemak semula dan melaporkan secara tahunan akaun itu sebagai akaun yang tidak didokumentasikan sehingga akaun sedemikian berhenti daripada menjadi tidak didokumentasikan.

Takrifan Akaun Yang Tidak Didokumentasikan tidak diguna pakai untuk FATCA.

24. Bagaimanakah untuk mengatur langkah susulan terhadap akaun yang tidak didokumentasikan itu?

Bank akan menghubungi pelanggan melalui surat, emel atau SMS untuk mengingatkan mereka mengenai penghantaran Borang Pengesahan Diri kepada Bank di bawah syarat CRS.

25. Berapa kerapkah Bank cuba untuk menangani akaun yang tidak didokumentasikan itu?

Secara tahunan.

Walau bagaimanapun, Bank tidak mempunyai sebarang akaun yang tidak didokumentasikan yang diambil perhatian pada masa dokumen ini dikeluarkan yang menunjukkan bahawa tidak ada seorangpun dari Pemegang Akaun itu mempunyai arahan "hold mail" atau alamat "in-care-of" sebagai satu-satunya petunjuk.

Sila pastikan tidak ada akaun yang ditag sebagai akaun yang tidak didokumentasikan tatkala bergerak ke hadapan memandangkan borang pengesahan diri seharusnya telah diperolehi dari semua pelanggan semasa pelanggan sedemikian mengubah alamat mereka kepada satu arahan "hold mail" asing atau alamat "in-care-of".

26. Bagaimanakah untuk mengendalikan akaun yang tidak didokumentasikan itu selepas tindakan susulan perlu telah diambil oleh Bank?

Bank akan menyelenggara satu senarai akaun yang tidak didokumentasikan dan menghantarnya ke Cawangan masing-masing bagi tujuan pemantauan. Senarai akaun yang tidak didokumentasikan itu akan disemak dan dipantau secara tahunan oleh Cawangan sehingga akaun itu berhenti daripada menjadi tidak didokumentasikan.

27. Dokumen Rujukan

- OECD - Piawaian untuk Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan dalam Hal-hal Cukai (2017)
[Standard for Automatic Exchange of Financial Account Information in Tax Matters, Second Edition | READ online \(oecd-ilibrary.org\)](#)
- IRBM - Nota Panduan (2020) Piawaian Pelaporan Umum (CRS)
[CRS_Guidance_Notes_22092020.pdf \(hasil.gov.my\)](#)
- IRBM - Nota Panduan (2015) Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)
[MY_US_IGA_Revised_Guidance_Notes_11_09_2015.pdf \(hasil.gov.my\)](#)
- Cukai Pendapatan (Perjanjian Antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Amerika Syarikat untuk Menambahbaik Pematuhan Cukai Antarabangsa dan untuk Melaksanakan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing) Perintah 2022
[PUA 278.pdf \(hasil.gov.my\)](#)